

27 DISEMBER 2017

Kastam rampas erimin 5 RM23 juta

6 DALAM NEGERI



ZULKIFLI YAHYA (dua dari kanan) menunjukkan dadah erimin 5 yang dirampas di Peral, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Diikrar sebagai peralatan mekanikal guna China Airlines

Kastam rampas erimin 5 RM23 juta

Oleh AZELI ALI
azeli.ali@utusan.com.my

■ BUKIT MERTAJAM 26 DIS.

DIKRARKAN sebagai peralatan mekanikal dan dibawa masuk dari Lapangan Terbang Antarabangsa Taipei City menggunakan penerbangan China Airlines.

Itulah taktik sindiket yang cuba menyeludup masuk 1.54 juta biji dadah jenis erimin 5 dari Taipei yang bernilai kira-kira RM23.115 juta yang dipercayai untuk diedarkan di negara ini.

Bagaimanapun helah sindiket terbabit terbongkar selepas Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang memeriksa 12 kotak mencurigakan yang tiba di Zon Perdagangan Bebas Kargo MAS Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), 14 Disem-



Kejayaan rampasan tersebut merupakan kes terbesar di negeri itu untuk tahun ini."

ZULKIFLI YAHYA
Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan)

ber lalu.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan dan Pematuhan), Datuk Zulkifli Yahya berkata, kejayaan rampasan tersebut merupakan kes terbesar di negeri itu untuk tahun ini.

Jelasnya, hasil maklumat awam dan risikan itu turut membawa kepada penahanan dua lelaki yang bekerja sebagai ejen penghantaran bagi membantu siasatan kes itu.

"Kedua-dua mereka yang berusia 18 dan 34 tahun ditahan ketika sedang menguruskan kemasukan kotak-kotak terbabit dan kini di-reman selama 12 hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Selain itu, pada hari ini juga seorang lagi suspek yang dipercayai ada kaitan dengan syarikat penghantaran terbabit ditahan ketika memberi keterangan di pejabat Kastam di sini," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Tambah Zulkifli, pihaknya masih menyasiat pihak yang membawa masuk barangan itu sama ada melalui orang perseorangan atau syarikat tertentu.

Sehubungan itu, beliau meminta orang ramai yang memiliki maklumat berkaitan kes-kes penyeludupan dadah dan lain-lain barangan agar menyalurkan maklumat kepada JKDM di talian bebas tol 1-800-88-8855.